KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SYARAT DAN PERATURAN
ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI:
REKABENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) 2022

(KATEGORI PENTAKSIRAN ALTERNATIF)

DEFINISI PENTAKSIRAN ALTERNATIF

Kaedah pentaksiran alternatif merupakan kaedah pentaksiran bukan konvensional yang tidak terbatas kepada pentaksiran sumatif. Ia boleh merangkumi pentaksiran formatif, autentik, holistik dan lain-lain kaedah pentaksiran yang telah berjaya mentransformasi pentaksiran sesuatu hasil pembelajaran secara efektif. Kaedah pentaksiran perlu selari dengan pencapaian hasil pembelajaran berdasarkan domain Kerangka Kelayakan Malaysia MQF 2.0 dan keterlibatan pelajar. Kaedah pentaksiran perlu mengukur sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran.

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pentaksiran alternatif yang telah berjaya mentransformasikan pentaksiran hasil pembelajaran sesuatu kursus secara efektif.

SYARAT PERMOHONAN

1. Permohonan harus merujuk kepada syarat umum AKRI 2022.
2. Pemohon perlu mengemukakan satu (1) video berdurasi tidak lebih daripada tiga (3) minit yang menerangkan projek masing-masing.

© Hak Cipta Terpelihara Kementerian Pengajian Tinggi (Versi 4) Tahun 2022

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan dalam bentuk projek/inisiatif memikir dan mereka bentuk semula pendidikan tinggi akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

i. Rasional;
ii. Pendekatan;
iii. Keterlibatan pelajar; dan
iv. Impak/Keberkesanan projek

Rasional (10%)	Apakah motivasi & isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula pentaksiran alternatif?
Pendekatan (40%)	Apakah pendekatan/pemikiran dan reka bentuk semula pentaksiran alternatif yang digunakan?
Keterlibatan Pelajar (20%)	Bagaimana pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna melalui pentaksiran alternatif?
Impak/Keberkesanan Projek (30%)	Apakah impak utama projek ke atas pencapaian pembelajaran pelajar?

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Pentaksiran Alternatif adalah seperti di bawah :

i. Tempat Pertama - Hadiah Wang Tunai Bernilai RM10,000
ii. Tempat Kedua - Hadiah Wang Tunai Bernilai RM5,000
iii. Tempat Ketiga - Hadiah Wang Tunai Bernilai RM3,000

Berserta sebuah piala dan sijil penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

© Hak Cipta Terpelihara Kementerian Pengajian Tinggi (Versi 4) Tahun 2022